



HANG TUAH

RM5 bilion import dedak ayam

TERNAKAN ayam merupakan salah satu industri yang berskala besar di Malaysia serta banyak negara di dunia.

Hal ini disebabkan ayam merupakan sumber protein utama bagi kebanyakan orang ekoran keenakan dagingnya selain harga yang tidak terlalu mahal.

Ternakan ayam meliputi pelbagai kategori iaitu ayam pedaging, ayam penélur, ayam kampung, ayam pembiak baka termasuk itik dan puyuh. Pengeluaran daging ayam negara telah mencapai tahap sara diri sejak tahun 1981.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Hang Tuah Baharudin berkata, pengeluar daging ayam negara melebihi kapasiti permintaan.

Jelasnya, lebihan daging ayam yang dihasilkan kemudian diproses untuk dijadikan produk-produk hiliran yang boleh menjana pendapatan seperti sejuk beku.

“Ketika ini, kadar penghasilan daging ayam negara adalah sekitar 120 peratus. Ini menunjukkan kadar penawaran ayam melebihi permintaan di dalam negara.”

“Situasi ini membolehkan harga ayam dalam pasaran tempatan lebih stabil termasuk ketika musim perayaan utama di negara,” katanya kepada K2 baru-baru ini.

Bagaimanapun, harga ayam di pasaran tempatan masih boleh dipengaruhi dengan faktor luaran seperti pembelian bekalan dedak yang diimport dari luar negara.

Jelasnya, negara mengimport empat juta tan metrik jagung dan 1.4 juta tan metrik kacang soya pada tahun 2019 untuk dijadikan sumber makanan ayam di ladang.

“Nilai import bekalan dedak ayam negara setiap tahun mencecah RM5 bilion. Ini satu fenomena tidak sihat kerana apabila pertukaran wang asing negara merosot akan mempengaruhi harga ayam di pasaran.”

“Kerajaan sedang berusaha mengurangkan kebergantungan kepada import bekalan dedak sekali gus memastikan keselamatan makanan negara lebih stabil,” tegasnya.